

Israk Mikraj *Seruan* Pembebasan

Sheikh Dr. Mustafa al-Siba'i
Diterjemah oleh Syazwan Hakim

impress

Israk Mikraj
Seruan Pembebasan

Sheikh Dr. Mustafa al-Siba‘i

Diterjemah oleh Syazwan Hakim

IMPRESS
2026

Diterbitkan

impress

Alamat No 6, Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sungai Besi Indah,
43300 Seri Kembangan, Selangor
Email ikrammudapusat@gmail.com
Tajuk Israk Mikraj Seruan Pembebasan
Karya Asal *al-Sirru fī Hādithati al-Isrā'*
Penulis Sheikh Dr. Mustafa bin Husni al-Siba'i
Penterjemah Syazwan Hakim
Penyunting Nayli Udzma
Pembaca Pruf Usaid Asmadi
Reka Kulit Nawal Irdina
Reka Letak Abu Haura'

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana isi kandungan daripada buku ini bagi tujuan jualan dalam apa-apa bentuk dan cara tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.
Ebook ini diedarkan secara percuma dan terbuka.

IMPRESS adalah rumah penerbitan komersial di bawah IKRAM Muda Malaysia.

PROFIL PENULIS



Dr. Mustafa al-Siba'i (1915–1964)

Latar Belakang & Keluarga

Dr. Mustafa bin Husni al-Siba'i merupakan salah seorang ulama, pemikir dan pejuang terkemuka abad ke-20 dari Syria. Beliau dilahirkan pada tahun 1915 di kota Homs, Syria. Susur galur beliau datang daripada keturunan keluarga ulama berwibawa yang telah lama mengisi posisi khatib di Masjid Agung Homs dari generasi ke generasi. Ayah beliau, Sheikh Husni al-Sibā'ī, terkenal dengan semangat nasional dan perlawanan terhadap penjajahan Perancis.

Pendidikan & Awal Kerjaya

Beliau mula menghafal al-Quran dan belajar ilmu agama sejak kecil. Setelah menamatkan sekolah menengah di Homs pada 1930, beliau meneruskan pengajian ke Universiti al-Azhar, Kaherah pada 1933 dan memperoleh Doktor Falsafah dalam bidang Syariah pada 1949. Beliau menjadi warga Syria pertama yang meraih gelaran doktor dalam bidang ini daripada Universiti al-Azhar.

Perjuangan & Peranan Politik

Semasa di Mesir, beliau ditahan oleh pihak British akibat menyokong demonstrasi pelajar melawan penjajah dan terlibat dalam peperangan menentang penjajahan Iraq dan Palestin. Beliau telah dipenjara dalam tempoh yang singkat dan akhirnya dipindahkan ke Palestin sebelum dibebaskan.

Pada 1941, beliau menubuhkan gerakan belia paramiliter "Shabab Muhammad" yang terinspirasi daripada Ikhwan Muslimin di Mesir.

Pada 1945, beliau memimpin penubuhan Ikhwan Muslimin Syria dan menjadi *Muraqib Am* (Pemimpin Tertinggi) yang pertama bagi menegakkan dakwah dan seruan politik dengan semangat anti-kolonialisme tanpa menggunakan kekerasan.

Beliau pernah menjadi ahli parlimen Syria dari tahun 1949 hingga 1954. Beliau berperanan menyuarakan Islam sebagai sistem sosial dan keadilan dengan pendekatan rasional dan wasatiyah.

Pemikiran & Karya Utama

Buku terkenalnya *Ishtirakiyyat al-Islam* (Sosialisme Islam, 1959) memperlihatkan bagaimana Islam boleh bersinergi dengan nilai-nilai sosialisme dalam bentuk moral dan keadilan. Hal ini menjadikan beliau antara pemikir awal dalam persoalan penyatuan antara Islam dan reformasi sosial.

Karya penting lain termasuk *Al-Din wa al-Dawlah fi al-Islam* (1954), serta kitab refleksi dan pendidikan seperti *Hakaza Alamatni al-Hayat* dan *Some Glorious Aspects of Islamic Civilisation (Terjemahan)*.

Penindasan & Meninggal Dunia

Pada 1957 beliau diserang *stroke* (hemiparesis) dan mengalami kelumpuhan separuh badan. Walaupun begitu, beliau terus produktif menulis sehingga akhir hayat.

Selepas pembentukan Republik Arab Bersatu pada tahun 1958, Ikhwan Muslimin disekat di bawah rejim Jamal Abd Nasser. Selepas keruntuhan Republik Arab

Bersatu tahun 1961, beliau menyokong kerajaan baharu Syria. Namun rejim Baath mengambil alih pada 1963 dan akhirnya menyekat aktiviti Ikhwan Muslimin serta mengharamkan karya beliau.

Dr. Mustafa meninggal dunia pada **3 Oktober 1964** di Syria pada usia 49 tahun.

ISRAK MIKRAJ
SERUAN PEMBEBASAN

MUKADIMAH PENTERJEMAH

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلاً مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الأَقْصَى الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ البَصِيرُ

"Maha Suci Tuhan yang telah menjalankan hamba-Nya pada malam hari dari Masjidil Haram ke Masjid al-Aqsa yang Kami berkati sekelilingnya, untuk Kami perlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat." (surah al-Isra': 1)

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat serta seluruh umat Islam yang istiqamah di atas jalan kebenaran hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, dengan izin dan taufik daripada Allah SWT, terjemahan risalah yang ringkas tetapi sarat dengan makna ini, "*Israk Mikraj Seruan Pembebasan*" karya Dr. Mustafa al-Siba'i berjaya disempurnakan bagi manfaat para pembaca. Pemilihan artikel ini kerana keistimewaannya yang bukan sahaja mengupas hikmah peristiwa agung Israk Mikraj dari sudut sejarah dan sirah, malah menyoroti makna strategik dan amanah umat terhadap Masjid al-Aqsa dan bumi Palestin.

Diharapkan terjemahan ini dapat memberi inspirasi dan kesedaran kepada masyarakat, khususnya dalam memahami bahawa peristiwa Israk Mikraj bukan sekadar mukjizat atau kenangan tahunan. Tetapi menjadi lambang penyatuan akidah, sejarah dan tanggungjawab umat Islam dalam mempertahankan maruah serta kesucian Masjid al-Aqsa dan bumi Palestin. Semoga setiap bait nasihat dan seruan Dr. Mustafa al-Siba'i dalam risalah ini menjadi penggerak buat jiwa kita untuk menyedari amanah besar umat Islam terhadap tanah suci tersebut.

Terjemahan ini diusahakan agar kekal pada maksud dan semangat asal penulis bersama dengan penyesuaian tertentu bagi memastikan kelancaran dan kefahaman bagi pembaca masa kini. Segala kekurangan dan keterbatasan dalam usaha penterjemahan ini adalah daripada kelemahan diri sendiri — semoga Allah mengampuni dan menerima amal yang sedikit ini.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua pihak terutamanya kepada pihak IMPRESS yang memberi sokongan dan dorongan. Semoga e-buku ini menjadi sumbangan kecil untuk memperkukuh semangat solidariti umat Islam seluruhnya dalam membela bumi Israk Mikraj.

Sekian,

Wallahu'l-Muwaffiq ila aqwamis-sabil.

Muhammad Syazwan Hakim bin Jamil
Kundang Ulu, Tangkak, Johor
1447H / 2026M

ISRAK MIKRAJ
SERUAN PEMBEBASAN

Peristiwa Teragung Umat Islam

Antara peristiwa teragung dalam sejarah Islam yang diraikan oleh umat Islam pada hari ini ialah peristiwa Israk dan Mikraj.

Pada malam Israk dan Mikraj ini, umat Islam di seluruh pelosok dunia akan berkumpul di rumah-rumah Allah, membaca secara terperinci kisah luar biasa yang berlaku kepada Rasul SAW lebih daripada empat belas abad yang lalu. Mereka merenung pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalamnya, mengingati bagaimana Allah memelihara Rasul-Nya yang mulia itu. Mereka memperbaharui janji kepada Allah untuk membersihkan diri daripada segala akhlak yang keji, menghiasi diri dengan budi pekerti yang mulia, memperbaharui bai'ah mereka kepada Allah, kesetiaan mereka kepada Rasul-Nya serta keteguhan mereka dalam agama-Nya.

Peristiwa yang Dirakam oleh al-Quran

Al-Quran telah merakamkan peristiwa Israk dan Mikraj ini dengan jelas melalui firman Allah Ta'ala:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلاً مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الأَقْصَى الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا

"Maha Suci Tuhan yang telah menjalankan hamba-Nya pada malam hari dari Masjidil Haram ke Masjid al-Aqsa yang Kami berkati sekelilingnya, untuk Kami perlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kebesaran) Kami." (Surah al-Isra', ayat 1)

Intipati utama daripada peristiwa ini harus kita teladani dan hubungkan dengan realiti kehidupan semasa. Selain itu, rentetan peristiwa Israk dan Mikraj ini harus kita renungi kembali, baik yang berlaku dalam sejarah silam mahupun sejarah moden umat Islam.

Keadaan Dunia Arab Sebelum Kenabian

Ketika Nabi Muhammad SAW diutuskan sebagai rasul, kehidupan bangsa Arab terputus daripada dunia luar kecuali dalam urusan yang sangat terhad. Mereka berpecah-pecah di tengah tanah semenanjung mereka sendiri dan pengetahuan mereka tentang rahsia alam

hanya terbatas pada tanah, pasir, gunung-ganang dan dataran yang mengelilingi mereka.

Ketuhanan dalam hidup mereka hanyalah berhala-berhala ciptaan tangan sendiri. Kepada berhala itulah, mereka menyembah dan berdoa, dan padanya mereka gantungkan segala harapan. Dalam keadaan beginilah Rasulullah SAW menyeru manusia kepada akidah tauhid. Seruan ini bukan sahaja mengajak mereka memperbaiki keadaan agama dan ekonomi, tetapi pada masa yang sama membangkitkan kesedaran bahawa mereka telah terpilih oleh takdir untuk memikul misi agung ini. Misi terbesar dalam sejarah manusia untuk disampaikan kepada umat sejagat.

Itulah risalah pembebasan dan kemerdekaan, risalah ilmu dan tamadun, yang diasaskan atas landasan kukuh keimanan, akal dan akhlak yang mulia.

Peristiwa yang Mengejutkan Quraish

Tatkala para pembesar Quraisy bersungguh-sungguh menentang Rasulullah dan mencerca seruannya, berlakulah sebuah peristiwa luar biasa. Sebuah peristiwa yang dipanggil sebagai Israk dan Mikraj. Israk yang merupakan perjalanan dari Mekah ke Baitul Maqdis dan Mikraj pula perjalanan dari bumi naik ke langit.

Antara Mekah dan Baitul Maqdis: Apa Hubungannya?

Jarak antara Mekah dan Baitul Maqdis adalah sebulan perjalanan dengan binatang tunggangan. Berita inilah yang telah mengejutkan Kaum Quraisy. Bagaimanakah mungkin Muhammad menempuh perjalanan ke Baitul Maqdis dan ke langit dan pulang dalam tempoh satu malam? Menjelajah bumi adalah hal yang tidak mustahil bagi manusia, tetapi bagaimana pula untuk ke langit semalaman? Bagaimana mungkin Muhammad naik ke langit dan pulang dalam tempoh beberapa jam?

Perkaitan antara Mekah dan Baitul Maqdis menjadi tanda tanya. Mengapakah Baitul Maqdis, sedangkan Kaabah itu sudah mencukup bagi mereka sebagai tempat suci? Apakah hubung kaitnya penduduk Mekah dan penduduk Baitul Maqdis? Tidakkah penduduk Mekah itu dianggap paling mulia kerana menjaga Kaabah? Maka apa ada keperluannya bangsa lain kepada mereka?

Inilah tafsiran awal yang bersifat realistik dan politik terhadap makna besar yang tersirat di sebalik peristiwa Israk dan Mikraj ini. Sejarah pun terus berlalu meninggalkan umat Islam untuk merungkai makna disebalik peristiwa ini.

Sejarah Berulang: Dari Perang Salib ke Penjajahan Moden

Bala tentera Salib dari Barat kemudiannya muncul secara tiba-tiba, mengetuk pintu-pintu di Baitul Maqdis. Maka, berlakulah pembantaian berdarah yang membanjiri jalan-jalan dan Masjid al-Aqsa, kota itu telahpun menjadi ibu kota keagamaan umat Islam selama hampir seratus tahun lamanya.

Lalu datanglah panglima agung, Salahuddin al-Ayyubi. Beliau kembali membebaskan kota itu tanpa sedikit pun pertumpahan darah, tanpa satu pun kehormatan dinodai dan tanpa ada perjanjian yang dikhianati. Palestin kekal di bawah pemerintahan Islam. Masjid dan gereja dipelihara penuh amanah.

Namun, ketika Perang Dunia Pertama, tentera Bersekutu memasuki Palestin dan panglima British Allenby mengisytiharkan dengan penuh angkuh:

"Kini tamatlah Perang Salib."

Penjajah Inggeris enggan keluar dari bumi Palestin kecuali dengan meninggalkan satu racun bernyawa di jantung dunia Arab: entiti Zionis yang digelar 'Israel'. Entiti yang dipenuhi dengan semangat kejahatan, kezaliman dan penjajahan. Jelas dilihat sehingga ke hari ini.

Palestin Hari Ini: Pertarungan Belum Berakhir

Kini, kita masih bergelut dalam pertempuran getir yang berpanjangan dengan Israel. Kisah Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis, negeri Israk dan Mikraj masih belum selesai. Babak-babak berdarahnya masih berlangsung hingga hari ini.

Apakah Kita Sudah Memahami Rahsianya?

Adakah kita kini telah benar-benar mengetahui rahsia di sebalik peristiwa Israk?

Sudahkah kita menyelami makna yang amat mendalam yang terkandung dalam peristiwa luar biasa ini?

Betapa banyakkah khabar gembira dan peringatan yang tersirat untuk kita daripada peristiwa ini?

Peristiwa ini telah menghubungkan Baitul Maqdis dan Syam (Mekah) seluruhnya bersama Semenanjung Arab secara tautan rohani sebelum ia bersatu dan membentuk sebuah kerajaan Islam beberapa belas tahun kemudian.

Amanah Israk yang Dipikul oleh Umat Ini

Israk adalah amanah besar yang ditinggalkan Rasulullah kepada kita. Amanah untuk mempertahankan bumi ini sebagai bahagian yang tidak terpisah daripada tanah air kita yang luas penaklukannya. Jangan sesekali kita

biarkan para penjajah dan perosak merampas walau sejengkal pun daripada bumi ini selagi nyawa masih dikandung badan.

Kita wajib mempertahankan bumi Palestin dengan seluruh kekuatan yang kita miliki. Kita wajib menganggap bahawa mempertahankannya adalah satu tuntutan agama dan tuntutan akidah yang tidak boleh dielakkan oleh sesiapa pun yang beriman kepada Allah dan hari akhirat. Kita mesti berjuang mempertahankannya dengan kemampuan yang maksimum.

Sekiranya umat yang lain berada di tempat kita hari ini – dalam suasana dizalimi dan dijajah – pasti mereka akan menggunakan kemampuan mereka sepenuhnya untuk:

- Menggerakkan seluruh kekuatan rohani dan material bagi menyokong perjuangan mereka
- Membangkitkan semangat dan emosi rakyat dalam mempertahankan bumi Palestin
- Menjadi medium penerangan kepada dunia demi menyokong hak mereka

Namun, mengapa kita tidak melakukannya hari ini?

Mengapakah kita tidak memanfaatkan peristiwa Israk dan Mikraj untuk menjelaskan semula isu kita kepada seluruh dunia Islam, dan menyedarkan mereka tentang

bahagian bumi kita; bumi Palestin yang sangat berharga ini?

Mengapa kesempatan ini tidak kita gunakan untuk membangkitkan kesedaran keagamaan dan kebangsaan dalam kalangan rakyat Arab baik Muslim mahupun Kristian?

Bukankah perjalanan Israk itu menuju Baitul Maqdis di bumi Palestin dan bukannya di tempat lain?

Bukankah Masjid al-Aqsa berdampingan dengan Gereja al-Qiyamah, gereja tertua dan terbesar bagi umat Kristian?

Bukankah ia berdekatan dengan Baitullaham, tempat kelahiran Nabi Isa yang dicintai umat Kristian seluruh dunia?

Tidakkah semua ini cukup untuk menggugah kesedaran kita tentang bumi yang kini dijajah, bumi yang sedang berjuang untuk kemerdekaan dan kesatuan?

Seruan Aksi dan Tindakan

Peristiwa Israk perlu dijadikan asbab kebangkitan umat. Hari Israk dan Mikraj seharusnya menjadi musim umat Islam mengerahkan gerakan dengan:

- Berduyun-duyun ke Baitul Maqdis, menziarahi tempat-tempat suci dan tinggalan sejarahnya.

- Menuju ke sempadan untuk melihat dengan mata sendiri kesan-kesan kezaliman dan serangan berulang musuh
- Mengadakan sambutan dan perayaan besar-besaran untuk menguatkan semangat penduduk yang berjuang habis-habisan dan tetap setia menduduki bumi Palestin walau berada di bawah bayangan bom dan pesawat musuh setiap hari.

Seruan Terakhir: Jadikan 27 Rejab Titik Mula Pembebasan

Wahai umat Islam dan bangsa Arab!

Hari 27 Rejab di zaman Rasulullah adalah hari pembukaan rohani Baitul Maqdis!

Hari 27 Rejab di zaman Salahuddin pula adalah hari pembukaan ketenteraan bagi kota itu!

Maka ingatlah selalu, jadikanlah hari ini sebagai titik permulaan bagi membebaskan:

- Bumi Palestin yang kini masih terjajah.
- Bahagian-bahagian lain daripada tanah air Arab yang dirampas.
- Seluruh dunia Islam daripada kesan penjajahan dan pencerobohan.

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلاً مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الأَقْصَى الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ البَصِيرُ

"Maha Suci Tuhan yang telah menjalankan hamba-Nya pada malam hari dari Masjidil Haram ke Masjid al-Aqsa yang Kami berkati sekelilingnya, untuk Kami perlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat." (al-Isra': 1)

QR CODE TEKS ASAL MAKALAH

